

**Perjanjian Pertukaran Dengan Malaysia Kekal, Gillard Setuju Kompromi
Bernama
22 Disember, 2011**

MELBOURNE, 22 Dis (Bernama) -- Kerajaan Australia bersedia membuka semula pusat memproses perlarian di Nauru tetapi masih berkeras mahu meneruskan rundingan mengenai pertukaran manusia dengan Malaysia.

Kerajaan Canberra menyatakan cadangan Nauru itu masih lagi terbuka sekiranya pihak pembangkang negara itu bersetuju meluluskan pindaan dibuat kerajaan terhadap Akta Migrasi tanpa sebarang perubahan.

Menteri Imigresen Australia Chris Bowen berkata perjanjian pertukaran manusia yang dibuat kerjaannya dengan Malaysia masih lagi dikekalkan tetapi bersedia berkompromi dengan pembangkang tentang penubuhan pusat-pusat memproses lain di luar pantai negara itu.

Pentadbiran Gillard sebelum ini berkeras enggan membuka semula pusat di Nauru itu setelah menutupnya apabila mengambil alih kuasa pada tahun 2007.

Bagaimanapun Bowen berkata hari ini kebuntuan mengenai pusat memproses di luar pantai itu terlalu lama, dan adalah jels pemimpin pembangkang Tony Abbott tidak bersedia berunding dengan kerajaan.

Pemangku Perdana Menteri Australia, Wayne Swan akan menulis surat kepada Abbott mengemukakan cadangan rasmi bagi menamatkan kebuntuan tersebut, demikian menurut agensi berita Australian Associated Press.

Cadangan tersebut telah dikemukakan menerusi perundingan dengan Perdana Menteri Julia Gillard, bersama dengan kabinetnya. Gillard kini sedang bercuti.

"Pembangkang perlu menyokong cadangan itu tanpa sebarang pindaan terhadap undang-undang bagi membolehkan kerajaan hari ini melaksanakan dasarnya...memproses di luar pantai," kata Bowen kepada pemberita di Newcastle.

"Kerajaan akan terus melaksanakan perjanjiannya dengan kerajaan Malaysia sekiranya undang-undang tersebut diluluskan yang akan dapat mematahkan perniagaan penyeludupan orang.

---BERNAMA

Hakcipta © 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsindex.php?id=636036>